



Pendekatan, Mendekati Dan Mendekatkan Masyarakat Orang Asli

Mohd Sharifudin Yusop
Universiti Putra Malaysia

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Sikap lurus, ikhlas dan jiwa bersih yang diwarisi turun-temurun membuatkan masyarakat Orang Asli secara umumnya selalu bersangka baik terhadap orang luar. Walau bagaimanapun justeru terdapat pihak-pihak yang tidak menghargai kerjasama mereka, Orang Asli menjadi lebih berhati-hati untuk menjalin sebarang hubungan. Jika mereka menerima, situasi akan menjadi mudah dan hubungan yang pragmatik akan dapat dibentuk. Segala dasar dan program pembangunan lebih mudah diterapkan dan kedua-dua pihak akan beroleh manfaat. Sebaliknya sekiranya kepercayaan mereka dikhianati, maka akan sukarlah untuk mereka menerima apa sahaja yang dibawa. Makalah ini ditulis berdasarkan pengalaman 20 tahun meneliti kesemua 18 suku masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia menggunakan pendekatan etnografi. Beberapa saranan dikemukakan bertujuan membantu bakal pengkaji memilih pendekatan yang sesuai untuk mendekati masyarakat ini dan sekali gus mendekatkan mereka dengan arus perdana.

Kata Kunci: jiwa bersih, pragmatik, etnografi, arus perdana.

Pengenalan

“Berapa harga petai seikat?

Dua ringgit cik.

Tak boleh kurang?

Tak boleh cik.”

(Setelah hampir 10 minit tawar-menawar, petai ditambah daripada tiga papan kepada empat papan seikat tetapi harga tetap dua ringgit.)

Situasi demikian pernah penulis alami sendiri di era 80-an. Masih adakah Orang Asli yang berniaga di tepi jalan Tapah-Cameron Highlands yang bersikap tulus ikhlas begitu? Segalanya tergantung kepada bentuk komunikasi dan bahasa yang digunakan oleh pembeli; kata sapaan, kata-kata mudah, sepatah dua kata bahasa Orang Asli, nada mesra, bersahaja, bahasa tubuh yang merendah diri dan kurang reaksi geli-geleman. Perbualan tentang produk yang dijual, sudah berapa hari, dari mana diperolehi, tanaman liar atau ditanam, hasil tanah sendiri atau dipungut dari hutan, dan berbual serba sedikit tentang diri penjual dan keadaan kampungnya, juga membantu dalam urusan jual-beli terutama apabila berlaku tawar-menawar harga. Namun demikian pembeli harus berhati-hati; lihat reaksi wajah penjual, teliti cara dia menjawab, perhatikan sebarang reaksi bosan atau seperti mahu lari. Keadaan ini terutamanya apabila pelanggan bertanyakan tentang produk yang bukan buatan mereka. Mereka hanyalah penjual

sahaja. Jika pelanggan mendesak juga, mereka akan beri alasan tidak boleh turun harga sebab mengikut arahan tauke. Maka ketahuanlah bahawa sebahagian tuan punya gerai jualan di tepi jalan itu bukanlah Orang Asli tetapi sebaliknya orang luar yang mengeksploitasi mereka.

Sikap tulus dan ikhlas memang ternyata tipikal tanpa mengira suku kaum. Sebagai masyarakat yang *simple*, mereka menjalani kehidupan seharian secara santai; tidak perlu bersusah payah terutama apabila berurusan dengan sesiapa sahaja terutama orang luar. Jika mereka sudah dapat menerima dan menaruh kepercayaan kepada seseorang, mereka akan memberikan layanan sebaik mungkin. Namun di sebaliknya, jika seseorang itu dinilai secara negatif; tidak boleh dipercayai dan hanya datang dengan niat mengambil kesempatan dan menyusahkan mereka, maka layanan sebaliknya akan diberikan termasuklah tidak mahu memberi kerjasama, malahan ada yang bertindak mengelakkan diri daripada didekati dengan cara bersembunyi apabila didatangi oleh orang luar.

Sorotan Kajian

Kehadiran orang Asli sebagai salah satu kelompok terawal masyarakat yang mendiami Tanah Melayu boleh dibuktikan melalui beberapa penulisan karya klasik mengenai alam dan orang Melayu. Menurut Andaya (2002), dalam *The Suma Oriental* tulisan Tome Pires antara tahun 1512 dan 1515, terdapat catatan bahawa orang Asli di sepanjang Sungai Muar dan Sungai Bertam telah memberikan bantuan kepada putera raja Palembang dan para pengikutnya sewaktu mereka menyusuri sungai-sungai itu. Dalam tiga buah teks Melayu klasik, iaitu Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan Syair Perang Johor istilah Sakai digunakan merujuk kepada orang Asli, manakala dalam Undang-undang Laut Melaka, Misa Melayu dan Hikayat Merong Mahawangsa, terdapat penggunaan istilah orang Asli sebagai salah satu kumpulan masyarakat yang menjadi rakyat negeri Melaka, Perak dan Kedah.

Sebenarnya semenjak pertengahan abad ke-19 lagi, penelitian berkaitan masyarakat orang Asli telah menarik minat para orientalis khususnya yang datang ke Semenanjung Tanah Melayu sebagai pegawai pentadbir kerajaan British. Bermula dengan perhatian terhadap bahasa suku-suku kaum Asli (untuk memudahkan mereka berurusan dengan mereka) secara konsisten minat itu mula beralih kepada hal-hal yang lebih akademik merangkumi bidang sosiologi dan antropologi. Sehingga kini pun berasaskan katalog senarai penulisan hasil kajian tentang orang Asli di Perpustakaan Orang Asli di Gombak, terdapat tidak kurang daripada 257 hasil kajian yang telah diterbitkan semenjak 1920-an sehingga Jun 2003.

Menjelang pertengahan abad ke-19, perhatian pengkaji mulai mengembang ke arah aspek-aspek bidang antropologi yang lebih luas. Favre (1865) seorang paderi keturunan Perancis yang melakukan penjelajahan di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu meliputi Johor, Melaka dan Negeri Sembilan untuk meneliti masyarakat yang digelarnya suku kaum liar telah menghasilkan tulisan dalam bentuk catatan perjalanan dan diberi judul *An Account of The Wild Tribes Inhabiting The Malayan Peninsula, Sumatera and A Few Neighbouring Islands*.

Daripada penulisan-penulisan berbentuk deskriptif, pengkaji-pengkaji beralih kepada kupasan dan penulisan tentang isu-isu pembangunan dan dasar-dasar yang berkaitan dengan masyarakat orang Asli. Juli (1998) mencatatkan bahawa Dentan (1968) dan Benjamin (1966, 1976, 1980) misalnya mengupas isu ketidakpuasan hati orang Asli berkenaan pemindahan mereka dari petempatan asal ke petempatan-petempatan baru. Dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri, terutamanya pada era Darurat (1948-1960), menyebabkan orang Asli terpaksa

melepaskan hak mereka ke atas tanah-tanah tradisional tinggalan nenek-moyang mereka. Ratos (1957) juga pernah menyentuh hal yang sama. Katanya;

“The Government has largely achieved their purpose, but at the expense and hardships of the Aborigines. The enforced environment does not provide them the complete freedom which they once enjoyed in their jungle homes.”

Menurut Juli Edo (1998) lagi, isu-isu yang berkaitan dengan hak-hak orang Asli dan kesan pembangunan negara secara keseluruhannya terus menjadi tumpuan para penyelidik dan penulis era 1980-an hingga kini. Ini termasuklah kajian dan pembentangan yang dibuat oleh Dodge (1981), Means (1985), Morris (1983), Gomes (1986), Nicholas (1985), Gianno (1990) dan Juli Edo sendiri (1990, 1998).

Metodologi

Makalah ini adalah hasil rumusan beberapa penyelidikan yang dilakukan terhadap masyarakat Orang Asli Malaysia semenjak tahun 2000 hinggalah kini. Penyelidikan dibuat secara etnografi, dengan penulis sendiri melakukan puluhan lawatan ke petempatan terpilih keseluruhan 18 suku masyarakat Orang Asli; Jahai (Kampung Sungai Rual, Kelantan), Mendriq (Kampung Kuala Lah, Kelantan), Bateq (Kampung Merchang, Kelantan), Kensiu (Kampung Lubuk Legong, Kedah), Kintak (Kampung Bukit Asu, Perak), Lanoh (Kampung Air Bah, Perak), Temiar (Kampung Kuala Betis, Kelantan), Semai (Kampung Kuala Koyan, Pahang dan Kampung Kuala Woh, Perak), Mahmeri (Kampung Tg. Sepat, Selangor), Jahut (Kampung Pian, Pahang), Semoq Beri (Kampung Paya Sendayan, Pahang), Che Wong (Kampung Kuala Gandah, Pahang), Semelai (Kampung Bukit Gemuruh, Pahang), Temuan (Kampung Bukit Gabang, Pahang), Orang Kuala (Kampung Kuala Benut, Johor), Orang Kanaq (Kampung Sungai Selangi, Johor), Jakun (Kampung Semanggar, Johor) dan Seletar (Kampung Bakar Batu, Johor). Data diperoleh menggunakan kaedah pemerhatian pasif dan pemerhatian turut-serta, temu bual tidak berstruktur, dan rakaman bahasa menggunakan teknik transliterasi.

Dapatan dan Perbincangan

Budaya atau kebudayaan berasal daripada bahasa Sanskrit yaitu *buddhayah*, bermaksud hal-hal yang berkaitan dengan budi dan akal manusia. Budaya merupakan suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki bersama oleh sesebuah kelompok masyarakat dan diwarisi dari satu generasi ke generasi yang berikutnya. Budaya terbentuk daripada pelbagai aspek kehidupan termasuklah adat istiadat, bahasa, peralatan, pakaian, bangunan, karya seni, malahan menjangkau politik dan agama. Bahasa, sebagaimana juga budaya, merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada diri manusia sehingga dianggap sebagai warisan genetik. Ketika seseorang berusaha berkomunikasi dengan orang yang berbeza budaya dan menyesuaikan perbezaan-perbezaannya, hal keadaan itu menunjukkan sesuatu budaya itu boleh dipelajari dan berkembang merentasi sesuatu kelompok masyarakat. Banyak aspek budaya turut menentukan dan menjelaskan perilaku komunikatif. Unsur-unsur sosiobudaya ini tersebar dan meliputi pelbagai kegiatan sosial manusia.

Dalam kata budaya tergambar dua unsur; iaitu budi dan daya. Budi adalah berkaitan dengan sifat dalaman; seperti akal, nafsu, perasaan dan intuisi, manakala daya pula berkaitan dengan sifat luaran; seperti tingkah laku dan pertuturan. Budi hanya dapat dimanifestasikan oleh daya; dengan pengertian bahawa daya akan menterjemah sifat dalaman itu sehingga kewujudan budi

disedari. Dalam kebanyakan norma masyarakat, budi dinilai dari segi tinggi atau rendahnya; lebih tinggi budi seseorang maka lebih tinggilah nilai etikanya, dan sebaliknya jika rendah budi seseorang maka rendahlah pula nilai akhlaknya. Kedua-dua ukuran ini dinilai berdasarkan tingkah laku dan pertuturan. Ketepatan penilaian itu pula bergantung sejauh mana penilai mampu melihat ke dalam diri seseorang. Ada individu yang tinggi nilai budinya tetapi justeru tingkah lakunya gagal menterjemahkannya dengan tepat maka orang lain akan membuat penilaian dan penafsiran yang salah.

Mendekati Hati Budi

Satu keistimewaan yang terdapat dalam diri sebahagian Orang Asli yang ditemui ialah kebolehan mereka untuk menilai niat dan budi seseorang. Sikap lurus, ikhlas dan jiwa bersih yang diwarisi turun-temurun membuatkan mereka selalu bersangka baik terhadap orang luar. Walau bagaimanapun justeru terdapat pihak-pihak yang mencabul kepercayaan mereka dengan mengambil kesempatan, menimbulkan dan tidak menghargai kerjasama mereka, Orang Asli menjadi lebih berhati-hati untuk menjalin sebarang hubungan dengan pihak luar, malah ada yang bersikap dingin dan menolak. Jika mereka menerima, situasi akan menjadi mudah dan hubungan yang pragmatik akan dapat dibentuk. Segala dasar dan program pembangunan lebih mudah diterapkan dan kedua-dua pihak akan beroleh manfaat. Sebaliknya sekiranya kepercayaan mereka dikhianati, maka akan sukarlah untuk mereka menerima apa sahaja yang dibawa. Dalam beberapa situasi biasa, mereka sedia menerima bantuan terutama dalam bentuk bekalan makanan asas seperti beras, gula, minyak masak atau sebarang peralatan rumah tangga termasuklah dekoder televisyen satelit. Namun selepas itu isyarat penolakan akan ditunjukkan dan kerjasama yang diharapkan tidak berlaku. Dalam beberapa situasi lain pula, mereka menjadi sangat fleksibel; datang pelbagai agensi kerajaan dengan pelbagai bantuan, mereka menerima, menyatakan sokongan dan sedia berkerjasama. Namun apabila didatangi pula oleh 'pesaing-pesaing agensi kerajaan', mereka mudah sahaja menukar sikap dan pendirian lalu melihat agensi kerajaan sebagai antagonis pula.

Orang Asli gemar berterus-terang tanpa terlalu memikirkan natijah daripada sikap sedemikian. Mereka tidak pandai bermuka-muka. Nilai ini sudah tertanam sebagai norma yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Mereka sering memberikan respons secara logikal. Selalu diceritakan kejadian pengembara luar yang bertanyakan kepada penunjuk arah Orang Asli, jarak yang harus mereka tempuh untuk sampai ke satu-satu destinasi. Sambil menghisap rokok daunnya, Orang Asli hanya menjawab; "sebatang rokok saja Encik!", dan dia menyedut dan kemudian memadam rokok yang sama beberapa kali, dalam perjalanan yang sebenarnya mengambil masa yang agak panjang. Respons mereka memang benar dan ikhlas, tanpa sebarang niat menipu atau mahu mengenakan orang asing. Setiap 'buah tangan' yang dibawa oleh mana-mana pihak pun, sudah tentu mendatangkan manfaat jangka pendek atau jangka panjang kepada mereka; jadi sewajarnya diterima tanpa prasangka. Namun demikian mereka tidak boleh dipaksa untuk tetap dengan satu pendirian sahaja. Apabila mereka merasakan perlu berubah, mereka akan berubah tanpa sebarang rasa kekesalan. Dengan sikap yang sedemikian, pihak yang bertanggungjawab menjaga dan membawa pembangunan kepada Orang Asli harus tahu menggunakan peluang dan bersikap lebih telus juga.

Pendekatan Empati

Justeru kelebihan yang ada dalam diri Orang Asli itu, permulaan setiap praktik pembangunan yang hendak diperkenalkan ialah niat yang sejujur-jujurnya; bukan kerana kemasyhuran, bukan kerana politik, bukan kerana menunaikan tanggungjawab sosial dan korporat (CSR), bukan

kerana hendak mendapatkan pelepasan cukai, malah bukan juga kerana membawa pembangunan itu adalah tanggungjawab hakiki mana-mana kementerian dan agensi berkenaan. Tujuan terakhir itu memang benar dari perspektif dan tujuan pewujudan kementerian dan pelbagai agensi tersebut. Namun dari sudut niat, perspektif pembangunan itu hendaklah dari kaca mata Orang Asli. Perancangan untuk sebarang bentuk pembangunan perlu berasaskan kehendak dan keperluan mereka. Pihak pemaju seharusnya bertindak sebagai fasilitator sahaja. Mereka mahu maju dan berhak untuk maju tetapi kemajuan itu hendaklah mengikut acuan mereka sendiri. Sebaik-baiknya kajian keperluan menggunakan pendekatan kualitatif dilaksanakan terlebih dahulu. Lain suku masyarakat dan lain kelompok petempatan, lain pula kehendak dan keperluan mereka. Setiap 18 suku kaum itu hendaklah didekati secara satu persatu (*case-by-case*). Tidak sewajarnya menggubal satu dasar yang sama untuk diterapkan kepada kesemua.

Tidak dinafikan sebahagian masyarakat Orang Asli menerima pembaharuan, namun banyak juga yang menolak sehinggakan tergambar bahawa mereka *anti-establishment*, sukar dibangunkan dan dengan itu kekal mundur. Banyak angkubah sosioekonomi dan sosiobudaya mereka yang berlainan berbanding perspektif yang dibawa bersama pembangunan yang dipaksakan ke atas mereka. Misalnya; terdapat badan dakwah Islamiah yang berjaya mengislamkan masyarakat di kampung tertentu, tetapi gagal di kampung lain hanya kerana mendapat reaksi: “syusyah (susah) jadi orang Isyalm (Islam), banyak syangat (sangat) jampi (doa); nak makan jampi (doa), lepasy (lepas) makan jampi (doa), nak masyuk (masuk) jamban (tandas) pun kena jampi (doa)...syelalu (selalu) tak syempat (sempat) Cik..!”. Walaupun jampi serapah adalah sebahagian amalan mereka, namun menyusahkan mereka dengan pelbagai doa (jampi), ternyata tidak sesuai dengan gaya hidup mereka yang sederhana. Dalam contoh kejadian yang lain, apabila diajarkan mengucap dua kalimah syahadah, mereka dengan jujur mengatakan bahawa mereka sudah menghafalnya kerana telah beberapa kali ‘masuk Islam’; dengan maksud apabila didatangi pendakwah agama lain, mereka akan menurut agama itu, dan apabila pendakwah Islam datang lagi, mereka akan menganut Islam semula.

Mendekatkan Masyarakat Orang Asli

Kajian keperluan harus mengambil kira lokaliti, latar masyarakat dan pengalaman hidup yang berbeza walaupun membabitkan suku yang serupa. Keperluan masyarakat Semai di Cameron Highlands berbeza dengan keperluan masyarakat Semai di Kuala Koyan, Pahang. Keperluan masyarakat Semelai di Bukit Gemuruh boleh sahaja berbeza dengan masyarakat Semelai di Pos Iskandar, walaupun petempatan mereka terletak dalam daerah Bera yang sama. Apatah lagi jika membabitkan keperluan masyarakat Seletar di Johor Bharu, Johor dengan masyarakat Jahai di Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Malahan keperluan suku laut Seletar berbeza dengan suku laut Orang Kuala, walaupun kebergantungan kedua-duanya kepada ekonomi marina masih tetap sama. Bagi mendapatkan maklumat keperluan masyarakat Che Wong di Kuala Gandah, Pahang ternyata sama sukarnya dengan keperluan suku Kanaq di Sungai Selangi, Kota Tinggi, Johor. Usaha mendekati mereka sahajapun memerlukan kemahiran komunikasi dan kefahaman budi bahasa yang sangat mendalam. Penulis mengambil masa hampir dua tahun untuk mendekati dan memenangi hati orang Kanaq dan tiga kunjungan termasuk satu bermalam untuk memahami suku Che Wong. Suku Che Wong pernah menolak penulis apabila mengetahui (penulis yang membuat pengakuan) penulis berketurunan Mandailing yang pada kepercayaan mereka adalah keturunan harimau jadian! Namun begitulah pengalaman yang harus dilalui sehingga memungkinkan hati budi mereka dapat diselami dan difahami.

Dalam perancangan dasar pembangunan Orang Asli, pendekatan simpati sahaja tidak memadai. Sebaliknya agensi perancang dasar dan pegawai pemaju masyarakat Orang Asli perlu sampai ke tahap empati; meletakkan diri dalam situasi mereka dengan bermodalkan kefahaman sosiobudaya dan norma kehidupan mereka sebelum menterjemahkannya ke dalam *blueprint* perancangan pembangunan masyarakat. Ayat-ayat yang digunakan hendaklah dapat ditafsirkan sebagai mempunyai niat yang baik, telus dan tulus. Pengumuman sesuatu dasar pembangunan menjelang pilihanraya memang mencerminkan niat yang lain. Membiarkan tiang elektrik (tanpa lampu) dipanjat dedalu dan menurap jalan memasuki perkampungan pada musim tengkujuh juga memberikan isyarat yang tidak betul. Membawa mereka mengikuti rombongan ke tempat-tempat menarik akan disambut dengan meriah tetapi apabila pulang, mereka akan kembali kepada keadaan asal. Malah membawa peserta KEDAP untuk ke majlis penyampaian sijil di ibu negara juga tidak membawa perubahan besar dari segi lonjakan akademia - kemahiran membaca, menulis dan mengira kerana sebahagian mereka masih belum menguasai.

Sebarang perancangan yang mahu dilaksanakan perlu mengambil kira keselesaan mereka terlebih dahulu. Nilai bukan sahaja respons lisan tetapi juga setiap isyarat dari bahasa tubuh dan bahasa tanda yang dapat menjelmakan perasaan dan hati budi mereka. Tidak perlu kemahiran hipnotik untuk menyelami dan menyedari pemikiran mereka, cukup sekadar melakukan kajian keperluan dan bersifat rintis atau membuat semakan sedemikian banyak hasil kajian akademik para sarjana pelbagai disiplin selama ini. Teliti dapatan kajian yang pernah diterbitkan walaupun ia tidak berkaitan dengan hal-hal tertentu yang hendak dihidangkan kepada mereka. Kajian tentang kesihatan misalnya, ada kena-mengena dengan kepercayaan mistik warisan nenek moyang. Justeru, jika hendak mencadangkan pengambilan ubat-ubatan atau mendapatkan rawatan untuk penyakit tertentu, perawat hendaklah mendapatkan izin terlebih dahulu dari tuan punya badan atau puyang (bomoh/pawang) mereka. Keperluan mengambil darah untuk ujian HIV sebelum pasangan bernikah sahajapun sering menimbulkan masalah antara pasangan dengan petugas agama dan kakitangan hospital yang akhirnya menjadi tular dan tidak disenangi. Secara mudahnya, ketahuilah segala pantang larang mereka dan hendaklah diambil kira walaupun mereka tidak menyatakannya secara eksplisit.

Dasar hormat-menghormati perlu wujud dalam pelaksanaan sebarang perancangan dan tindakan pembangunan yang hendak dibawa kepada Orang Asli. Walaupun sebilangan besar masih berada di bawah aras kemiskinan, tidak berpelajaran, dan tidak ramai bilangannya, mereka tetap manusia biasa yang berhak dilayan dengan penuh peri kemanusiaan. Mereka juga layak dihormati bukan sahaja atas fakta antropologi bahawa mereka adalah penghuni asal di negara ini, malah mereka tidak pernah menimbulkan masalah kepada sebarang 'pencerobohan' yang berlaku terhadap status quo mereka selama ini. Budi mereka memberi laluan kepada peneroka terkemudian, dengan berundur ke dalam hutan dan pedalaman Semenanjung Malaysia seharusnya dikenang dan dibalas dengan sewajarnya. Sungguhpun tidak menimba ilmu secara rasmi, tetapi alam telah mendidik sehingga menjadikan mereka arif tentang lokaliti mereka. Mereka seumpama kembar alam; cubit paha kanan, paha kiri juga terasa. Membangunkan mereka bermaksud mengubah alam dan fenomenanya daripada hutan belantara menjadi hutan batu. Banyak perubahan dan pengubahsuaian yang akan berlaku dan jika tidak ditangani dengan sewajarnya sudah tentu akan membawa kerosakan bukan sahaja terhadap muka bumi tetapi juga dalam hubungan kemanusiaan antara mereka dengan masyarakat arus perdana.

Kesimpulan

Masa depan etnik Orang Asli ini terletak di tangan masyarakat luar yang lebih dominan dalam segala segi. Ini bermakna, masyarakat luar perlu memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya bagi memastikan kelestarian etnik ini. Kesilapan dalam memikir, merancang dan melaksanakan segala dasar sosial termasuk ekonomi, budaya dan politik akan hanya mendatangkan impak negatif. Setelah sekian lama, etnik Orang Asli terbukti sentiasa akur dan secara umumnya tidak bertindak agresif menolak apa sahaja yang dihidangkan kepada mereka. Namun dengan kayu ukur tahap kemajuan yang dicapai, menunjukkan masih banyak ruang penambahbaikan yang harus dilakukan demi kelangsungan dan keberadaan mereka. Mereka adalah pewaris asal bumi Malaysia ini.

Bibliografi

- Abdul Razaq Ahmad, Zalizan Mohd Jelas. 2009. *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Kasimin. 1993. *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, L.Y. 2002. Orang Asli and the Melayu in the History of the Malay Peninsula. Dlm. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. LXXV Part 1. Kuala Lumpur: Malayan Branch of Royal Asiatic Society.
- Baharon Azhar Raffiei. 1972. *Some Aspects of the Relationship of the Orang Asli and other Malaysians*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- Benjamin, G. 1976. Austroasiatic Subgroupings and Prehistory in the Malay Peninsular. Dlm. Jenner. P., Thompson L.C. dan Starosta S., (pnyt.). *Austroasiatic Studies*: 37- 28. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Boucher, J.D. 1973. *Facial Behavior and the Perception of Emotion: Studies of Malays and Temuan Orang Asli. Paper presented to the Conference on Psychology and Related Disciplines in Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Favre. 1865. *An Account of the Wild Tribes Inhabiting The Malayan Peninsula*. Paris: Imperial Printing Office.
- Hassan Mat Nor. 1998. Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan. Dlm. Hassan Ishak (ed) *Orang Asli dan Cabaran Pembangunan Masa Kini: Usaha dan Tindakan yang Direncanakan oleh JHEOA*, pp.109-110. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hood Salleh, Kamaruddin M. Said dan Awang Hasmadi Mois (pnyt.). 1993. *Mereka yang Terpinggir*. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nicholas, A. 1997. *Becoming Orang Asli: Survival in the Face of Discontinuity*. Kertas Kerja *International Conference on Tribal Communities in the Malay World: Historical, Cultural and Social Perspectives*. Singapura: Institute of South East Asia Studies.

Ratos, A. 1957. *The Orang Asli of Malaya*. Kuala Lumpur: Maxwell School.

Siti Aminah Mohd Sam, Seow Ta Wee. 2013. Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli. Dlm. Nasir Nayan, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Kamarul Ismail, Zainudin Othman, Mazdi Marzuki, Hamirdin Ithnin, Fauziah Che Lah, Mohd Faris Dziauddin, Mohd Hairry Ibrahim, Zuriatun Fadzaliah Sahdan (pnyt.) *Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar kali ke 4. Geografi & Alam Sekitar dalam Pembangunan dan Transformasi Negara*, pp. 483–489. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.